

A .TOKOH TING 4

1. IMAM ABU HANIFAH R.A
2. IMAM MALIK R.A
3. IMAM SYAFIE R.A
4. IMAM AHMAD BIN HANBAL R.A
5. IMAM AL-BUKHARI R.A
6. IMAM AL-GHAZALI R.A

TOKOH 1 : IMAM ABU HANIFAH

<p style="text-align: center;">BIODATA</p> <p>Nama sebenar : Nukman b. Thabit Gelaran : <i>Abu Hanifah</i> Sebab diberi gelaran : 1. <i>Sempena nama anaknya</i> 2. <i>Cenderung kepada agama</i> 3. <i>Sentiasa membawa tempat dakwat utk mencatatkan ilmu.</i> Tarikh lahir : <i>80 H (699M)</i> Tempat lahir: <i>Kufah</i> Keturunan : <i>Parsi</i> Tarikh wafat : <i>Rejab 150H (767M)</i> Tempat dikebumikan : <i>Hizran</i></p>	<p style="text-align: center;">KEISTIMEWAAN :</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Tokoh Korporat yang berjaya</i> • <i>Bijak dalam pengurusan perniagaan</i> • <i>Ulamak yang disegani</i>
--	--

SIFAT PERIBADI	
SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. <i>Pemurah & Ikhlas</i>	<i>Tidak kedekut untuk membantu mereka yang memerlukan</i>
2. <i>Berani</i>	<i>Sanggup dipenjara dan dipukul kerana teguh dengan pendiriannya tidak mahu menerima jawatan hakim</i>
3. <i>Kuat beribadah</i>	<i>Membaca Al-Quran dan beramal pada malam hari</i>
4. <i>Berakhlak mulia</i>	<i>Tidak sombong walaupun berasal dari keluarga kaya raya</i>

PENDIDIKAN TOKOH		
PERKARA	KETERANGAN	
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>menuntut ilmu dari kecil hingga peringkat yg paling tinggi</i> • <i>mempelajari pelbagai jenis cabang ilmu termasuk undang-undang.</i> • <i>seorang yang bijak dalam pengurusan perniagaan</i> 	
Bidang Ilmu yang dikuasai & dipelajari	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Fekah</i> • <i>Undang-undang</i> 	
Nama guru beliau	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Imam Hamad b Abi Sulaiman</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Anas bin Malik (Hadis)</i> • <i>Abdullah bin Anas</i>
Nama murid beliau	<i>Abu Yusof, Yaakub bin Ibrahim, Muhammad bin Hassan</i>	

UJIAN YG PERNAH DILALUI :

1. *Dipenjara dan disebut 100 kali*
2. *Dipenjara kerana menolak jawatan dan meninggal.*

HASIL KARYA :

- *Fiqh Akbar*
- *Al-Faraid*

SUMBANGAN TERHADAP TAMADUN ISLAM :

1. *Ulama pertama menyusun kitab Fekah mengikut Bab dan Fasal*
2. *Menentukan hukum mengikut martabat hadis*
3. *Menyusun cara keluaran hukum berdasarkan kaedah tertentu.*
4. *Menerima hadis sahih dan kuat sanadnya sebagai sandaran hukum*

NEGARA YG MENGAMALKAN MAZHAB BELIAU :

1. *Mesir* 2. *Iraq* 3. *Syria* 4. *Lubnan*

TOKOH 2 : IMAM MALIK

BIODATA

Nama sebenar : **Malik b Anas b Malik b Amir Harith**
 Gelaran : -
 Tarikh lahir : 93H (713M)
 Tempat lahir : Madinah
 Keturunan : Arab
 Latar belakang keluarga :
 • Datuknya seorang ulamak tabie yang terkenal
 • Moyangnya Amar adalah sahabat Rasulullah s.a.w yang terkemuka.
 Tarikh wafat : 179H (798M)
 Tempat dikebumikan : Baqi' Madinah

KEISTIMEWAAN :

- Menjadi seorang guru yang berkebolehan sejak berumur 17 tahun lagi.
- Mempunyai kecerdasan akal fikiran yg tinggi..

SIFAT PERIBADI	
SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. Teguh pendirian	• Tidak mahu ke istana untuk mengajar sultan & pembesar kerana berpegang kpd prinsip ilmu mesti dicari bukan mencari seseorang.
2. Bijaksana	• Menjadi guru ketika berumur 17 tahun lagi
3. Cerdas & Kuat ingatan	• Mampu menghafaz Al-Quran & Hadis sejak kecil lagi
4. Tawaduk	• Turun dari kuda sebaik memasuki Madinah kerana hormatkan maqam Rasulullah s.a.w.

PENDIDIKAN TOKOH	
PERKARA	KETERANGAN
Sejarah pendidikan	• Sering mendampingi ulamak mendorong beliau hafaz Al-Quran & hadis sejak kecil lagi. • Berguru dengan lebih dari 900 orang guru.
Bidang Ilmu yang dikuasai & dipelajari	• Hadis, Feqah, Nahu
Nama guru beliau	• Imam Abdul Rahman b Hamzah
Nama murid beliau	• Imam Syafie

HASIL KARYA :

1. **AL-MUWATTA'**

KEISTIMEWAAN KITAB BELIAU :

1. Mengandungi hadis hukum & pendapat ulamak tabiin.
2. Lengkap dgn pelbagai masalah agama spt hadis & fekah.
3. kesemua hadis yg terdapat di dalam kitab ini adalah hadis sahih.

SUMBANGAN TERHADAP TAMADUN ISLAM :

1. Menghasilkan kitab Al-Muwatta'
2. Menyebarkan ilmu melalui pengajarannya di Masjid An-Nabawi di Madinah
3. Berusaha menyebarkan ilmu kepada orang ramai terutamanya ilmu Hadis & Feqah.

NEGARA YANG MENGAMALKAN MAZHAB BELIAU :

1. Hijaz 2. Maghribi 3. Sepanyol 4. Tunisia 5. Libya

TOKOH 3 : IMAM As-SYAFIE

BIODATA

Nama sebenar : **Muhammad b Idris b Al-Abbas b Usman b Syafie**

Gelaran :
 1. Syafie (sempena nama datuknya Syafie b Saib)
 2. Bapa Usul Fiqh (mahir dalam bidang fekah)

Tarikh lahir : 150H (767M) Tempat lahir : Ghazzah, Palestin

Keturunan : Ahli Bait Rasulullah s.a.w

Latar belakang keluarga :

- Keturunannya bertemu dgn Rasulullah s.a.w pd datuknya Abd Manaf, ayah & ibunya berasal dari Mekah

KEISTIMEWAAN :

- Hafaz al-quran ketika berusia 9 thn
- Dikurniakan ingatan yang kuat & kecerdasan akal yg luar biasa.
- Menguasai semua loghat bahasa & budaya Arab
- Mahir dalam bidang penulisan, pandai bersyair & bersajak

SIFAT PERIBADI

SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. Rajin berusaha	• Belajar pelbagai ilmu tanpa rasa jemu
2. Berfikiran terbuka	• Sedia menerima ilmu dari banyak ulamak
3. Tidak mudah putus asa	• Lahir sebagai anak yatim tetapi tidak menjadikan kesusahan hidup sebagai alasan untuk memajukan diri
4. Berani	• Sanggup berhijrah ke merata tempat untuk mencari ilmu

PENDIDIKAN TOKOH

PERKARA	KETERANGAN
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Mula belajar Al-Quran ketika berusia 5 thn & hafaz keseluruhannya ketika usia 9 thn. • Hafaz kitab al-Muwatta' ketika berusia 10 thn • Beliau telah bermusafir ke negara lain utk menuntut ilmu pengetahuan.
Bidang Ilmu yang dikuasai & dipelajari	• Al-Quran & Hadis, Bahasa Arab & semua lahhah bahasa & kebudayaan arab, Bidang Penulisan, Mengubah syair & sajak
Nama guru beliau	• Ismail b Qastantin, Sufian b Uyainah, Imam Malik
Nama murid beliau	• Ismail b Yahya Al-Mazni, Imam Abu Thur, Ibrahim b Khalid

HASIL KARYA :

1. Al-Risalah
2. Al-Umm
3. Ikhtilaful Hadis
4. Al-Musnad

KEISTIMEWAAN KITAB AL-UMM :

1. Menjadi rujukan utama ilmuan Islam.
2. Susunan gaya bahasanya tepat, jelas & mudah difahami.

SUMBANGAN TERHADAP TAMADUN ISLAM :

1. Mengasaskan kaedah tertentu dlm mensabitkan hukum.
2. Berjihad mengikut tempat dan masa.
3. Menghasilkan buku Al-Risalah yg menjadi rujukan umat Islam sehingga kini.
4. Membetulkan fahaman yg salah dalam aliran Muktaizilah, Syiah, Khawarij.

NEGARA YANG MENGAMALKAN MAZHAB BELIAU :

1. Malaysia
2. Thailand
3. Brunei
4. Indonesia

TOKOH 4 : IMAM AHMAD BIN HANBAL

BIODATA

Nama sebenar :

Ahmad b Muhammad b Hanbal b Hilal

Gelaran & sebab diberi :

1. Abu Abdullah : sempena nama anaknya Abdullah
2. Al-Hakam : kerana hafaz lebih 700000 hadis

Tarikh lahir : Rabiulawal 164H(780M)

Tempat lahir : Baghdad

Keturunan : Ahli Bait Rasulullah

Jawatan : -

Tarikh wafat : 231H (855M) Baghdad

Tempat dikebumikan : -

KEISTIMEWAAN :

- Hafaz lebih drpd 700,000 hadis serta ilmu yang mendalam tentang hadis.
- Imam Syafie mengakui bahawa Imam Ahmad adalah seorang yang alim & sangat tahu tentang hukum fekah.

SIFAT PERIBADI

SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. Kuat beribadah	<ul style="list-style-type: none"> • Solat 300 rakaat setiap hari • Membaca 1/7 Al-Quran setiap hari & Khatam Al-Quran setiap minggu.
2. Berhati-hati memilih hadis	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak ambil hadis daif dalam mensabitkan hukum. • Menilai & memeriksa setiap perawi hadis
3. Zuhud	<ul style="list-style-type: none"> • Menolak jawatan kadi yg ditawarkan oleh khalifah Harun Ar-Rasyid.
4. Cintakan ilmu	<ul style="list-style-type: none"> • Merantau ke merata tempat untuk mencari ilmu.

PENDIDIKAN TOKOH

PERKARA	KETERANGAN
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Berjaya menghafaz Al-Quran ketika berusia 14 thn & menguasai bahasa Arab dan kesusasteraan. • Ketika berusia 16 thn, mengembara ke beberapa buah negeri untuk mengumpul hadis-hadis nabi.
Bidang Ilmu yang dikuasai & dipelajari	<ul style="list-style-type: none"> • Al-Quran , Hadis, Ilmu Kalam & Fekah (lebih cenderung kepada ilmu Hadis)
Nama guru beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Imam Syafie, Imam Hammad b Khalid, Sufian b Uyainah
Nama murid beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Ibnu Taimiah, Ibnu Qasim

HASIL KARYA :

1. **Al-Musnad**
2. **An Nasakh Wal Mansukh**
3. **Tafsir Al-Quran**
4. **At Tarikh**
5. **Kitab Ta'atur Rasul**
6. **Al-Manasik Al-Kabir**

SUMBANGAN :

1. Menghasilkan karya dlm bidang Hadis & fekah yg telah menjadi rujukan & kajian sehingga kini
2. Berjaya memisahkan antara Hadis Sahih & Hadis tidak Sahih
3. Pengasas Mazhab Hanbali

NEGARA YG MENGAMALKAN MAZHAB BELIAU

:

1. Mesir 2. Syria 3. Palestin 4. Hijaz

UJIAN YANG DILALUI :

Telah dipenjara & dirotan dgn cemeti oleh Khalifah krn menolak pendapat Muktaizilah yg mengatakan bhw al-Quran adalah kalam Allah S.W.T. yg bersifat baharu.

TOKOH 5 : IMAM AL-BUKHARI

BIODATA

Nama sebenar : **Abu Abdullah Muhammad b Ismail b Ibrahim**

Gelaran : Amirul Mukminin

Tarikh lahir : Jumaat 13 Syawal 194H(810M)

Tempat lahir : Bukhara

Keturunan : -

Latar belakang keluarga : Berasal dari keluarga yg soleh. Bapanya meninggal dunia ketika beliau dlm kandungan ibunya.

Tarikh wafat : 256H (870M) usia 62 tahun

KEISTIMEWAAN :

- Sembuh dari penyakit buta & dapat melihat semula berkat doa ibunya yang solehah.
- Mempunyai daya ingatan yang tinggi

SIFAT PERIBADI	
SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. Mempunyai ingatan yang kuat	<ul style="list-style-type: none"> • Hafaz Al-Quran ketika berusia 11 tahun • Hafaz 100000 hadis Sahih & 200000 hadis tidak Sahih
2. warak	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak makan makanan syubhah
3. Rajin berusaha	<ul style="list-style-type: none"> • Mencari ilmu tanpa jemu • Merantau jauh untuk mencari ilmu
4. Teliti & berhati-hati	<ul style="list-style-type: none"> • Teliti dalam pemilihan Hadis

PENDIDIKAN TOKOH	
PERKARA	KETERANGAN
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat pendidikan awal dari ibunya • Tekun belajar & sangat hormatkan hadis • Ketika berusia 11 thn, mampu memperbetulkan gurunya & hafaz Al-Quran. • Usia 16 thn - hafaz kitab-kitab Ibnu Mubarak & Ibnu Waqi' • Usia 18 thn – mula menulis Hadis drp sahabat & perawi. • Merantau selama 16 thn ke merata tempat utk mencari ilmu
Bidang Ilmu yg dikuasai	<ul style="list-style-type: none"> • Hadis
Nama guru beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Sempat menemui 1000 orang guru, perawi & ulamak
Pencapaian tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Berjaya menghasilkan kitab sahih Bukhari yg menjadi sumber rujukan umat Islam sehingga kini.

HASIL KARYA :

Sahih Al-Bukhari, Tafsir Al-kabir, Kitab Al-Wahdan, kitab Al-Hibbah

KEISTIMEWAAN KITAB SAHIH BUKHARI :

1. Merupakan himpunan hadis-hadis yg paling lengkap
2. Hadis di dlmnya disusun mengikut bahagian ibadat, muamalat dsbnya
3. Menjadi sumber rujukan umat Islam selepas Al-Quran.
4. Mengambil masa 16 thn utk disiapkan.

SUMBANGAN :

1. Menulis kitab Sahih al-Bukhari yang menjadi sumber rujukan umat Islam dalam ilmu hadis.
2. Memeriksa semua perawi Hadis dalam semua aspek sebelum mengambil hadis mereka
3. Kitab beliau telah dihuraikan oleh beberapa ulamak

TOKOH 6 : IMAM AL-GHAZALI

BIODATA	KEISTIMEWAAN :
<p>Nama sebenar : Abu Hamad Muhammad b Muhammad b Ahmad al-Ghazali al-Tusi</p> <p>Gelaran :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <u>Al-Ghazali</u> : sempena nama tempat kelahirannya, Al-Ghazalah 2. <u>Hujjatul Islam</u> : krn kecekapan, kemasyhuran & kekuatannya membela agama) 3. <u>Fakih</u> : pakar dlm bidang fekah, siasah, syariah & usul fiqh <p>Tarikh & Tempat lahir : 450H(1058M) Ghazalah, Iran Latar belakang keluarga : Berasal dari keluarga miskin, ayahnya bekerja sebagai pemintal bulu kambing. Tarikh & tempat wafat: 505H (1111M) di Tus.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kemahiran berpidato & menarik perhatian ramai orang. • Ahli falsafah & bahas yang terkenal.

SIFAT PERIBADI	
SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. Tekun belajar	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai ketokohan dalam pelbagai bidang ilmu hingga digelar FAKIH.
2. Bijaksana	<ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan pelbagai karya yang menjadi rujukan umat Islam sepanjang zaman.
3. Bijak berhujjah	<ul style="list-style-type: none"> • Digelar Hujjatul Islam kerana kekuatan, kecekapan & kemasyhurannya membela Islam.
4. Kuat beribadah, warak & zuhud	<ul style="list-style-type: none"> • Membenci kepura-puraan, kemegahan, kemewahan, kepalsuan & sifat mazmumah yg lain.

PENDIDIKAN TOKOH	
PERKARA	KETERANGAN
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Belajar menulis dari sahabat bapanya iaitu seorang ahli tasawuf. • Mendapat pendidikan awal di Tus. • Melanjutkan pelajaran ke Jarjan & Nisabur dan menguasai ilmu usul mengikut aliran Al-Asyariah, teori & amali tasawuf.
Bidang Ilmu yang dikuasai & dipelajari	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Arab, Fekah, ilmu kalam, falsafah, usuluddin & tasawuf.
Nama guru beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Imam al-Haramain (Dhia ad-Din al-Juwaini.) • Al-Farmadi (Ulamak Fekah & ketua ahli Sufi)
Pengalaman tokoh dalam bidang pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi penasihat agung Perdana Menteri Nizam Al-Malik. • Menjawab jawatan pensyarah di Madrasah Nizamiah di Baghdad. • Mempunyai kecekapan berpidato yg telah menarik orang ramai menghadiri kelas pengajiannya.

HASIL KARYA :

1. Ihya Ulumuddin
2. Al Manquz Min Al-Dhalal
3. Tahafat Al-Falasafah
4. Al-Wajiz

SUMBANGAN :

1. Menjadi penasihat agung Perdana Menteri Nizam Al-Mulk.
2. Menjadi tenaga pengajar kanan di universiti Nizamiah, Baghdad.
3. Mendokong fahaman Al-Asyariah /mazhab ahli Sunnah Wal Jamaah.
4. Menolak fahaman ahli falsafah yang meresap dalam ilmu kalam.
5. Menghasilkan karya dalam pelbagai bidang ilmu

JADUAL BANDING BEZA TOKOH

TOKOH PERKARA	IMAM ABU HANIFAH	IMAM MALIK	IMAM SYAFIE	IMAM AHMAD	IMAM BUKHARI	IMAM AL-GHAZALI
NAMA SEBENAR	<i>Nukman B Thabit</i>	<i>Malik B Anas B Malik B Amar Harith</i>	<i>Muhammad B Idris B Al-Abbas B Usman B Syafie</i>	<i>Ahmad B Muhammad B Hanbali</i>	<i>Abu Abdullah Muhammad s.a.w B Ismail B Ibrahim</i>	<i>Abu Hamad Muhammad b Ahmad Al- Ghazali Al-Tusi</i>
KETURUNAN	<i>Parsi</i>	<i>Arab</i>	<i>Ahli Bait Rasulullah s.a.w</i>	<i>Ahli bait Rasulullah s.a.w</i>	<i>Berketurunan orang alim</i>	-
GELARAN	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Abu Hanifah</i> • 	-	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Syafie</i> • <i>Bapa Usul Fiqh</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Abu Abdullah</i> • <i>Al-Hakam</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Amirul Mukminin</i> • <i>Imam Bukhari</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Al-Ghazali</i> • <i>Hujjatul Islam</i>
KEISTIMEWAAN TOKOH	<i>Bijak dalam pengurusan perniagaan</i>	<i>Menjadi seorang guru yang berkebolehan sejak berumur 17 tahun</i>	<i>Kuat Ingatan & mahir bersyair & bersajak</i>	<i>Hafaz 700,000 hadis</i>	<i>Kuat ingatan</i>	<i>Kuat ingatan & bijak berpidato</i>
TARIKH LAHIR	<i>80H (699M)</i>	<i>93H (713M)</i>	<i>150H (767M)</i>	<i>164H (780M)</i>	<i>194H (810M)</i>	<i>450H (1058M)</i>
TEMPAT LAHIR	<i>Kufah</i>	<i>Madinah</i>	<i>Gazzah</i>	<i>Baghdad, Iraq</i>	<i>Bukhara</i>	<i>Ghazalah Iran</i>
TARIKH WAFAT	<i>150H (767M)</i>	<i>179H (789M)</i>	<i>204H (820M)</i>	<i>231H (855M)</i>	<i>256H (870M)</i>	<i>505H (1111M)</i>
BIDANG ILMU YANG DIKUASAI	<i>Ilmu Fekah</i>	<i>Hadis & Fekah</i>	<i>Fekah, Usul Fiqh & Bahasa Arab</i>	<i>Hadis</i>	<i>Hadis</i>	<i>Usuluddin, Falsafah</i>
HASIL KARYA YANG PALING POPULAR	<i>Fiqh Al-Akbar</i>	<i>Al-Muwatta'</i>	<i>Al-Umm & Ar-Risalah</i>	<i>Al-Musnad</i>	<i>Sahih Al-Bukhari</i>	<i>Ihya Ulumuddin</i>
KEISTIMEWAAN KARYA	<i>Tersusun mengikut bab & fasal</i>	<i>Lengkap dgn pelbagai masalah agama</i>	<i>Susunan bahasanya tepat, jelas & mudah difahami</i>	<i>Mengandungi 40,000 hadis</i>	<i>Himpunan hadis- hadis nabi yg paling sistematik</i>	-
UJIAN BESAR YANG PERNAH DILALUI	<i>Dipenjara krn menolak jawatan hakim di Baghdad & meninggal dunia di dlm penjara</i>	<i>Sanggup dipukul krn mempertahankan Islam</i>	-	<i>Dipenjara & dirotan dgn cemeti oleh khalifah krn menolak pendapat muktazilah</i>	<i>Terkena penyakit mata sejak kecil & sembuh semula berkat doa ibunya</i>	-



MODUL PETA MINDA

B. TOKOH TING 5

7. IBNU SINA BAPA PERUBATAN DUNIA
8. IBNU KHALDUN TOKOH SEJARAWAN
9. AS-SAYYID JAMALUDDIN AL-AFGHANI
10. SYEIKH MUHAMMAD ABDUH
11. SYEIKH TAHIR JALALUDDIN
12. HAMKA

TOKOH 1 : IBNU SINA ; BAPA PERUBATAN DUNIA

BIODATA	KEISTIMEWAAN :
<p>Nama sebenar : "Al-Husain B Abdullah B Hassan B Ali B Sina"</p> <p>Gelaran : Ibnu Sina / Avicenna Tarikh lahir : 370H (980M) Tempat lahir : Bukhara, Turkistan Jawatan : 1. Pakar Perubatan di Wilayah Rai 2. Penasihat Agung Amir Ala Ad-Daulah</p> <p>Tarikh & tempat meninggal dunia : 428H (1037M) di Hamazan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Seorang yang cerdas & pintar sehingga dapat menguasai pelbagai jenis ilmu ketika berusia 18 tahun. Pakar perubatan terkenal.

SIFAT PERIBADI	
SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. Gigih menuntut ilmu	• Membaca buku metafizik karangan Aristotle sebanyak 40 kali.
2. Taat pada agama	• Sering berdoa kepada Allah s.w.t apabila beliau kebuntuan
3. Bijak & cerdas	• Berjaya menguasai pelbagai ilmu ketika berusia 18 tahun.
4. Bermotivasi & berinovatif	• Banyak melakukan penyelidikan & menghasilkan karya dalam pelbagai bidang.

PENDIDIKAN TOKOH		
PERKARA	KETERANGAN	
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Mula belajar Al-Quran ketika berusia 5 thn & hafal Al-Quran ketika berusia 10 thn. Mengusai ilmu perubatan ketika berumur 16 tahun kemudian nya menjadi pakar perubatan yang terkenal. 	
Bidang Ilmu yang dikuasai & dipelajari	<ul style="list-style-type: none"> Ilmu Fekah & Tasawuf Ilmu Hisab & Geometri 	<ul style="list-style-type: none"> Ilmu Falsafah Ilmu Sains & Astronomi
Nama guru beliau	<ul style="list-style-type: none"> Ismail Al-Zahid Muhammad Al-Masah 	<ul style="list-style-type: none"> Abu Abdullah An-Nahili Al-Biruni
Contoh pencapaian Ibnu Sina	<ul style="list-style-type: none"> Penemuan penyakit baru & puncanya. spt penyakit Rubella, cacar, pengaruh kuman terhadap penyakit. Penemuan dalam bidang farmasi. Berjaya menghasilkan ubat yg mujarab bagi penyakit kronik. Membangunkan teknologi perubatan. Mencipta benang bagi menjahit luka pembedahan. 	

HASIL KARYA IBNU SINA :	SUMBANGAN :
<ol style="list-style-type: none"> Kitab Al-Qanun Fit Tib. Kitab Al-Adawiyah Al-Qalbiyah Kitab Al-Fiyyah At-Tayyibah 	<ol style="list-style-type: none"> Menghasilkan 116 karya dlm pelbagai bidang spt mantik, falsafah, Astronomi, kimia, fizik, biologi dsbnya. Hasil karya beliau telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh Liga Arab pada tahun 1950. Avicenna College telah ditubuhkan bagi mengenang jasa beliau terhadap perkembangan ilmu.

TOKOH 2 : IBNU KHALDUN ; TOKOH SEJARAWAN ULUNG

BIODATA

Nama sebenar :
Abdul Rahman B Muhammad B Muhammad

Gelaran : *Ibnu Khaldun*
 Tarikh lahir : *732H (1332M)*
 Tempat lahir : *Tunisia*
 Keturunan : *Arab Yaman*
 Jawatan : 1. *Pegawai Jabatan Setiausaha Negara*
 : 2. *Anggota Majlis Ilmiah*
 : 3. *Perdana Menteri*
 : 4. *Ketua Hakim Negara di Mesir*

Tarikh & Tempat meninggal dunia :
808H (1406M) Kaherah

KEISTIMEWAAN :

- *Tokoh sejarah yang unggul krn mampu mengkaji sejarah sesebuah negara berdasarkan semua aspek spt psikologi, ekonomi, sosiologi, alam sekitar serta geografi negara tersebut.*

SIFAT PERIBADI	
SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. <i>Tekun berusaha menuntut ilmu</i>	• <i>Rajin menuntut pelbagai bidang ilmu daripada ulamak terkenal.</i>
2. <i>Berjiwa pemimpin</i>	• <i>Sentiasa mengemukakan idea yg baik untuk memajukan rakyat & negara.</i>
3. <i>Kreatif</i>	• <i>Mampu menghasilkan pelbagai buku ilmiah untuk rujukan para ilmuan.</i>
4. <i>Bijak</i>	• <i>Pelopor kepada pemikiran moden dalam pelbagai bidang</i> • <i>Menyediakan garis panduan dlm membuat analisis ttg sejarah.</i>

PENDIDIKAN TOKOH	
PERKARA	KETERANGAN
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mendapat pendidikan awal drpd bapanya Abdul Rahman b Muhammad (mempelajari asas agama & bahasa Arab)</i> • <i>Meneruskan pengajian dlm bidang ilmu mantik, falsafah, sains & teknologi drpd Muhammad b Ibrahim Al-Abili.</i> • <i>Mendapat ilmu drpd beberapa orang guru yg terkenal.</i>
Bidang Ilmu yang dipelajari	• <i>ilmu mantik, falsafah, sains & teknologi</i>
Nama guru beliau	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Ahmad b Al-Qassar</i> • <i>Lisanuddin b Al-Khatib</i>
• <i>Universiti Ibnu Khaldun ditubuhkan di Jakarta bagi mengenang jasa beliau</i>	

HASIL KARYA IBNU KHALDUN :

1. *Al-Muqaddimah*
2. *Takrif Ibnu Khaldun*

KEISTIMEWAAN HASIL KARYANYA :

1. *Karyanya adalah hasil kombinasi pengalaman, ilmu pengetahuan & kreativiti beliau.*
2. *Hasil karya beliau adalah hasil drpd pemurnian ilmu sejarah dgn menjadikan rasional sebagai kayu ukur fakta sejarah.*

SUMBANGAN :

1. *Berjaya menganalisis sejarah dari aspek kemasyarakatan, ekonomi, politik & pendidikan dalam karyanya.*
2. *Berpendapat bahawa sesebuah tamadun tertegak hasil gabungan aspek rohani & jasmani.*
3. *Beliau dianggap sebagai pelopor pemikiran moden dlm bidang sejarah, politik, sosiologi & pendidikan.*
4. *Hasil karyanya dijadikan bahan rujukan di institusi pengajian tinggi.*

TOKOH 3 : AS SAYYID JAMALUDDIN AL-AFGHANI

BIODATA

Nama sebenar :

As-Sayyid Jamaluddin b Safdar Al-Afghani

Gelaran : As-Sayyid

Sebab diberi gelaran : keturunan beliau bersambung dgn Saidina Ali & Rasulullah

Tarikh lahir : 1254H (1838M)

Tempat lahir : Asad Abad, Kabul, Pakistan

Keturunan : Parsi

Jawatan : Anggota Majlis al-Maarif

(Kementerian Pendidikan) di Istanbul Turki

Tarikh & Tempat meninggal : 1314H (1897M)

KEISTIMEWAAN :

- Mempunyai pertalian keturunan dgn Saidina Ali & Rasulullah s.a.w
- Keturunannya ada hubung kait dgn ulama Hadis yg terkenal, iaitu Imam at-Tirmizi.

SIFAT PERIBADI

SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. Berani memperjuangkan kebenaran	• Mengadakan ceramah & menaikkan semangat perpaduan umat Islam untuk menentang penjajah
2. Suka mengembara	• Telah mengunjungi beberapa negara untuk menyebarkan fahaman islah
3. Mempunyai akal fikiran yg tajam	• Merupakan pelopor fahaman islah
4. Tekun belajar & mencintai ilmu	• Mempelajari pelbagai bidang ilmu

PENDIDIKAN TOKOH

PERKARA	KETERANGAN
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat pendidikan awal dari bapanya dlm bidang bahasa Arab & agama • Telah menghafaz Al-Quran sejak berusia 12 tahun • Telah berhijrah ke India kerana mendalami ilmu sains & matematik moden. • Mampu menguasai bahasa Afghanistan, Parsi, Arab, Turki, Urdu, Perancis, Inggeris dan Rusia.
Bidang Ilmu yang & dipelajari	• Bahasa Arab, Nahu, Sastera, mantik, fekah, kalam, matematik, astronomi, balaghah.
Nama guru beliau	• -
Nama Murid beliau	• Syeikh Muhammad Abduh

HASIL KARYA :

1. Al-A'mal Al-Kamilah
2. Ar-Raddu Ala Ad-Dahriyyin
3. Al-Khatirat
4. Tatimmatul Al-Bayan Fi Tarikh Afghan

SUMBANGAN :

1. Beliau telah meniupkan semangat perjuangan menentang penjajah melalui penulisan, syarahan & perbincangan.
2. Berjaya mengembalikan keyakinan umat Islam di India bahawa mereka mampu menentang penjajah British.
3. Idea Islah yang dibawanya telah memberi kesan yg amat besar terhadap umat Islam masakini.
4. Menghasilkan pelbagai karya yg menjadi rujukan generasi selepasnya.

SAMBUNGAN : AS SAYYID JAMALUDDIN AL-AFGHANI

PENGERTIAN ISLAH :

"pembaikan / perubahan terancang ke arah yang lebih baik."

BENTUK-BENTUK ISLAH YG DIPERKENALKAN :

1. Mengembalikan kegemilangan umat Islam sebagaimana yg pernah dicapai pada zaman *Khulafa' Ar-Rasyidin*.
2. Membina perpaduan umat Islam tanpa mengira bangsa & budaya melalui gagasan *Al-Jamiah Al-Islamiah*.
3. Menjelaskan keburukan fanatik terhadap sesuatu mazhab yg boleh membawa perpecahan

KEPENTINGAN ISLAH :

1. Untuk membangunkan diri & melaksanakan tuntutan Islam
2. Untuk meyakinkan umat Islam tentang kesesuaian agama Islam utk diamalkan pada setiap masa & semua keadaan.
3. Untuk memperoleh kejayaan yg cemerlang di dalam kehidupan.

SEBAB SESEORANG PERLU KEPADA ISLAH :

1. Menjadi pendorong ke arah pembangunan masyarakat Islam yang berlandaskan ajaran Islam yang sebenar.
2. Membentuk sikap positif di dalam jiwa pelajar utk menjadi pelajar yang berjaya di dunia & di akhirat.
3. Untuk melaksanakan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan
4. Untuk memahami & menghayati konsep Islam yang sebenarnya..

NEGARA YG DIKUNJUNGI UNTUK MENYEBARKAN FAHAMAN ISLAH :

1. Mekah
2. Mesir
3. India
4. Istanbul
5. Iran
6. Baghdad
7. Rusia
8. Paris
9. London

NAMA-NAMA AKHBAR YG DIASASKAN OLEH JAMALUDDIN AL-AFGHANI :

1. *Urwatul Wusqa* di Perancis
2. *Akhbar Misr*
3. *Akhbar At-Tijarah* di Mesir
4. *Akhbar Al-Khafaqin* di London

TOKOH 4 : SYEIKH MUHAMMAD ABDUH

BIODATA		JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG :	
Nama sebenar :	Muhammad b Abduh b Hasan Khairullah	1.	<i>Guru di Masjid Al-Husaini</i>
Gelaran :	<i>Syeikh Muhammad Abduh</i>	2.	<i>Pensyarah di Darul Ulum Mesir.</i>
Tarikh lahir :	<i>1265H (1849M)</i>	3.	<i>Guru di sekolah Sultaniah, Beirut</i>
Tempat lahir :	<i>Tanta Mesir</i>	4.	<i>Ketua Editor Akhbar</i>
Keturunan :	<i>Lahir dalam keluarga petani</i>	5.	<i>Ketua Hakim Mahkamah Rayuan Mesir</i>
Tarikh wafat :	<i>(1905M)</i>	6.	<i>Anggota Majlis Pengurusan Universiti Al-Azhar</i>
Tempat meninggal :	<i>Iskandariah, Mesir</i>		

SIFAT PERIBADI	
SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. Berani	• <i>Menyatakan pendirian Islah walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan.</i>
2. Ketrampilan yang tinggi	• <i>Diberi pelbagai jawatan penting dalam kerajaan</i>
3. Berdaya kreatif	• <i>Menghasilkan tulisan/karya yg bernas sehingga mampu mempengaruhi pemikiran umat Islam</i>
4. Tegass tetapi penyayang terhadap kanak-kanak	• <i>Menubuhkan Al-Jamiatul al-Khairiyah untuk membantu murid-muridnya yang bermasalah</i>

PENDIDIKAN TOKOH	
PERKARA	KETERANGAN
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mendapat pendidikan awal spt membaca & menulis dari bapanya.</i> • <i>Belajar bahasa Arab di masjid Al-Ahmadi & nahu bahasa Arab dari Syeikh Darwisy</i> • <i>Belajar & hafaz Al-Quran dalam masa 2 tahun</i> • <i>Memperolehi ijazah dari Universiti Al-Azhar pada 1877M</i> • <i>1889M- dilantik menjadi syeikh Al-Azhar & melakukan pelbagai pembaharuan.</i> • <i>1896-mendalami bidang akademik & pemikiran Islam dari sayyid Jamaluddin Al-Afghani</i>
Bidang Ilmu	• <i>Bahasa Arab, Tasawuf, Matematik, Falsafah</i>
Nama guru beliau	• <i>Syeikh Darwisy Khudr, Syeikh Husan al-Tawil, Sayyid Jamaluddin</i>

IDEA ISLAH YG DIPERKENALKAN	
BIDANG	KETERANGAN
AQIDAH	• <i>Menyeru umat Islam supaya kembali kpd agama Islam yg asli serta menyesuaikan mengikut keperluan semasa tanpa bercanggah dgn Al-Quran & hadis, disamping menolak taklid buta.</i>
INTEGRASI ILMU	• <i>Menyarankan agar bidang ilmu fardhu kifayah spt sains & matematik dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah & universiti.</i>
PENTADBIRAN	• <i>Beliau berpendapat bahawa islah perlu dilakukan bagi mengatasi kepincangan dalam pentadbiran kehakiman negara.</i>

SAMBUNGAN : SYEIKH MUHAMMAD ABDUH

FAKTOR PENDORONG BELIAU MELAKUKAN ISLAH DALAM BIDANG PENDIDIKAN :

1. *Inspirasi kpd gerakan Islah As-Sayyid Jamaluddin Al-Afghani yang menjurus ke arah mewujudkan integrasi ilmu.*
2. *Kesedaran beliau terhadap kepentingan islah dalam kurikulum sekolah & universiti yang telah ketinggalan zaman.*
3. *Sistem pendidikan pada masa itu yang menjurus ke arah taklid buta dan jumud.*
4. *Kekurangan prasarana pendidikan serta bantuan drpd kerajaan Mesir kepada golongan miskin.*
5. *Kadar aaii auru vana rendah.*

PEMBAHARUAN YANG DIBAWA KE UNIVERSITI AL-AZHAR :

1. *Mewujudkan mata pelajaran matematik, geografi, algebra, sejarah & seni khat.*
2. *Mewujudkan farmasi khusus utk pelajar di Universiti Al-Azhar.*
3. *Memperbaiki asrama pelajar terutamanya aspek keselamatan & kesihatan.*

CARA BELIAU MENYALURKAN IDEA ISLAH :

1. *Melalui proses pengajarannya di Masjid Al-husain, Darul Ulum & Universiti Al-Azhar.*
2. *Melalui media massa spt majalah Al-Urwatul Wusta.*
3. *Melalui karya beliau spt Al-Tauhid.*
4. *Menggunakan jawatan-jawatan yang disandang oleh beliau.*

HASIL KARYA :

1. *Risalah At-Tauhid*
2. *Tafsir Juz Amma*
3. *Tafsir Surah Al-Asr*
4. *Risalah Ar-Rad Ala Ad-Dahriyyah*
5. *Syarhu Nahjil Balaghah*
6. *Syarhu Maqamat Al-Badi'*
7. *Al-Islam War-Rad Ala Muntaqidih*

SUMBANGAN TOKOH :

1. Dalam Bidang Pendidikan :
 - a. *memperkenalkan mata pelajaran matematik, geografi, geometri, algebra, sejarah & seni khat.*
 - b. *Mewujudkan piawaian dalam penganugerahan sijil*
 - c. *Menyediakan peruntukan untuk gaji guru dari perbendaharaan negara & wakaf negara*
2. Dalam pembinaan Tamadun Islam :
 - a. *Idea islah yang dibawanya telah berjaya membawa perubahan besar terhadap pemikiran umat Islam*
 - b. *Berjaya memperbaiki sistem pendidikan & kehakiman syariah.*
 - c. *Menghasilkan pelbagai karya yang berperanan memajukan pemikiran umat Islam.*

TOKOH 5 : SYEIKH TAHIR JALALUDDIN

BIODATA

Nama sebenar :

Muhammad Tahir b Syeikh Muhammad b Ahmad Jalaluddin

Gelaran : Syeikh (ketika menjadi mufti di Perak)
: Al-Falaki (kerana pakar dlm bidang falak)

Tarikh lahir : 7/9/1869

Tempat lahir : Sumatera Barat, Indonesia

Keturunan : Melayu Minangkabau

Jawatan : 1. Guru 2. Mufti Perak & Johor

Tarikh wafat : 23/10/1956

Tempat meninggal : Perak

KEISTIMEWAAN :

- Mahir dalam bidang falak
- Penggiat sastera tanah air.

SIFAT PERIBADI

SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. Menepati masa	• Tidak pernah lewat ke kelas kecuali kerana uzur
2. Cintakan ilmu	• Membina perpustakaan kecil di rumahnya
3. Tekun & gigih	• Terus menyebarkan idea islah walaupun mendapat tentangan hebat dari ulamak tradisional tanah air.
4. Kreatif	• Menghasilkan pelbagai karya.

PENDIDIKAN TOKOH

PERKARA	KETERANGAN
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Menetap di Mekah bersama saudara sepupunya Ahmad Al-Khatib sejak umur 12 tahun. • Mempelajari ilmu agama dari Ahmad Al-Khatib. • 1893- menyambung pelajarannya ke Universiti Al-Azhar dlm bidang ilmu falak. • Pernah mengajar di Masjidil Haram & pada 1899 pulang ke tanahair dan mengembangkan ilmu dan membuat pembaharuan utk memajukan masyarakat Islam.
Bidang Ilmu yang dikuasai & dipelajari	• Ilmu agama & ilmu falak
Nama guru beliau	• Syeikh Ahmad Al-Khatib
Nama Murid beliau	• Syeikh Muhammad Jamil Jambek, Syeikh Abdullah Ahmad, Syeikh Abdul Karim Amrullah

IDEA ISLAH YANG DIPERKENALKAN :

- Mengajak umat Islam kembali kpd ajaran Islam sebenar yg bebas dari adat yg dipusakai dari agama Hindu.
- Menjauhi pengaruh negatif dari luar terutamanya pengaruh Barat.
- Berusaha mempelajari ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah.
- Menolak amalan taklid buta.

FAKTOR PENDORONG BELIAU MELAKUKAN ISLAH :

1. *Akidah umat Islam yang kian terpesong.*
2. *Pengamalan amalan yang bertentangan dengan Islam berleluasa dalam masyarakat Islam.*
3. *Masyarakat Islam masih lemah dalam bidang pendidikan.*
4. *Masyarakat Islam masih dalam kongkongan penjajah.*
5. *Pemikiran umat Islam masih jumud.*

CARA BELIAU MENYALURKAN IDEA ISLAH :

1. *Melalui penerbitan akhbar Al-Imam bersama Syed Syeikh Al-Hadi di Singapura.*
2. *Melalui jawatan-jawatan yang disandangnya terutama ketika menjadi guru & mufti di Pulau Pinang dan Perak.*
3. *Melalui proses pengajarannya, terutama ketika beliau menjadi guru di Madrasah al-Masyhur Pulau Pinang dan Madrasah Parit Jamil Johor.*

DUGAAN & RINTANGAN YANG DIHADAPI DALAM MEMPERJUANGKAN IDEA ISLAH :

- *Mendapat tentangan daripada ulamak tradisional & juga penjajah yang merasa tergugat dgn kebangkitan orang Melayu menentang kedudukan mereka.*
- *Dipenjarakan selama 9 bulan atas tuduhan menentang Belanda, tetapi perjuangan beliau tidak pernah padam.*

SUMBANGAN :

1. Dalam bidang pemikiran :
 - a. *Majalah Al-Imam digunakan untuk menyalurkan ilmu kpd intelektual Islam.*
 - b. *la juga berperanan membebaskan pemikiran masyarakat Melayu dari belenggu penjajahan.*
2. Dalam bidang pendidikan :
 - a. *Menubuhkan Madrasah Al-Iqbal Al-Islamiah di Singapura.*
 - b. *Madrasah ini menjadi inspirasi ke arah pembinaan Madrasah lain spt Madrasah Al-Iqbal Al-Islamiah di Riau.*
3. Dalam bidang Falak :
 - a. *Merupakan orang yang bertanggungjawab menyebarkan ilmu falak di Malaysia.*
 - b. *Digelar Al-Falaki kerana kepakaran beliau dalam bidang ini.*
4. Dalam bidang kesusasteraan :
 - a. *Merupakan salah seorang penggiat kesusasteraan tanahair.*
 - b. *Penulisan beliau bertujuan memberi kesedaran ttg semangat keislaman di kalangan masyarakat Melayu.*

TOKOH 6 : HAMKA

BIODATA

Nama sebenar :

Haji Abdul Malik b Syeikh Muhammad Amrullah

Gelaran : *Hamka & Mujaddid*

Tarikh lahir : *13 Muharam 1362H (1908M)*

Tempat lahir : *Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia*

Keturunan : *Merupakan keturunan ulamak yg menyebarkan Islam di Maninjau*

Latar belakang keluarga : *Ayahnya seorg tokoh pembaharuan Islam Minangkabau*

Jawatan : *Guru, Pensyarah, Rektor, Pegawai Tinggi Agama.*

Tarikh meninggal dunia : *1981*

KEISTIMEWAAN :

- *Ulama Islam yang terkemuka di Nusantara.*
- *Ahli sastera & Novelis Melayu yang handal.*

SIFAT PERIBADI

SIFAT	KETERANGAN / BUKTI
1. Pintar & Bijak	• <i>Mampu membaca & menghafaz Al-Quran dalam masa yang singkat</i>
2. Petah berpidato	• <i>Diberi penghormatan berpidato dlm rancangan radio Arab Saudi.</i>
3. berjiwa seni	• <i>Mampu menulis pantun & syair yang menusuk kalbu</i>
4. Berani	• <i>Melakukan revolusi terhadap penjajahan Belanda di Sumatera.</i>

PENDIDIKAN TOKOH

PERKARA	KETERANGAN
Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mendapat pendidikan awal dari ayahnya.</i> • <i>Mendapat pendidikan rendah di sekolah Desa Padang Panjang & di sekolah agama At-Tawalib.</i> • <i>Mendapat ilmu dari ceramah ulama besar spt Syeikh Ibrahim Musa, Syeikh Ahmad Rasyid dll.</i> • <i>Beliau juga mendapat ilmu melalui pembacaan buku-buku ilmiah.</i>
Bidang Ilmu yang dikuasai & dipelajari	• <i>Pelbagai ilmu</i>
Nama guru beliau	• <i>Syeikh Ibrahim Musa, Syeikh Ahmad Rasyid, Sultan Mansur</i>
Pencapaian tokoh	• <i>Menerima beberapa anugerah Doktor kehormat.</i>

SUMBANGAN DALAM BIDANG ILMU & PEMIKIRAN :

1. *Memperluaskan idea islah melalui majalah & akhbar untuk menyedarkan umat Islam.*
2. *Menyeru umat Islam supaya mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.*
3. *Meninggalkan hasil karya yang sangat berguna kepada umat Islam iaitu Tafsir Al-Azhar.*
4. *Menerima pelbagai anugerah yang boleh menaikkan imej umat Islam pada masa itu.*

HASIL KARYA :

1. Dalam Bidang Agama :
 - a) *Tafsir Al-Azhar*
 - b) *Tasawuf Moden*
 - c) *Pedoman Mubaligh Islam*
2. Dalam Bidang Falsafah :
 - a) *Falsafah Hidup*
 - b) *Lembaga Hidup*
 - c) *Falsafah Ideologi Islam*
3. Dalam Bidang Kesusasteraan :
 - a) *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*
 - b) *Di Bawah Lindungan Kaabah*
 - c) *Laila Majnun*

ANUGERAH YANG PERNAH DITERIMA

:

1. *Doktor Kehormat dari Universiti Al-Azhar, 1959*
2. *Professor dari Universiti Moestopo, Jakarta, 1960.*
3. *Doktor Kehormat Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974*

MISI & MATLAMAT PERJUANGAN HAMKA :

1. *Menyebarkan ilmu kepada masyarakat Islam melalui penulisan & pidatonya.*
2. *Menentang penjajahan Belanda dgn menubuhkan Front Pertahanan Nasional.*
3. *Menentang amalan khurafat & lain-lain ajaran sesat dgn menubuhkan Pusat Latihan Dakwah Muhammadiyah.*

CABARAN YANG DIHADAPI DALAM PERJUANGANNYA :

1. *Pernah dipecat dari jawatan Ketua Umum Majlis Ulama Indonesia (MUI) krn kelantangannya mengkritik kepincangan pentadbiran Indonesia.*
2. *Pernah dipenjarakan bersama tokoh-tokoh Majlis Syura Muslim Indonesia (MASYUMI)*

KESAN PERJUANGAN HAMKA TERHADAP PEMBANGUNAN UMAT :

1. *Persatuan Hindia Timur telah ditubuhkan & dapat membantu memberi pengajaran kepada para jemaah Haji.*
2. *Lahirnya mubaligh-mubaligh Islam melalui latihan di kolej Mubalighin.*
3. *Hasil tulisannya yang pelbagai telah banyak membuka minda umat Islam.*

JADUAL BANDING BEZA TOKOH :




NAMA TOKOH PERKARA	IBNU SINA	IBNU KHALDUN	JAMALUDDIN AL- AFGHANI	MUHAMMAD ABDUH	SYEIKH TAHIR JALALUDDIN	HAMKA
NAMA SEBENAR	<i>Al-Husain b Abdullah b Hassan b Ali B Sina</i>	<i>Abdul Rahman b Muhammad b muhammad</i>	<i>As-Sayyid Jamaluddin b Safdar Al- Afghani</i>	<i>Muhammad b Abduh b Hasan Khairullah</i>	<i>Muhammad Tahir b Syeikh Muhammad b Ahmad Jalaluddin</i>	<i>Haji Abdul Malik b Syeikh Muhammad Amrullah</i>
KETURUNAN	-	<i>Arab Yaman</i>	<i>Parsi</i>	-	<i>Melayu Minangkabau</i>	<i>Melayu Minangkabau</i>
GELARAN	<i>1.Ibnu Sina</i>	<i>1.Ibnu Khaldun</i>	<i>1.As-Sayyid</i>	<i>1. Muhammad Abduh</i>	<i>1. Syeikh</i>	<i>1. Hamka</i>
	<i>2.Bapa Perubatan</i>	<i>2. -</i>	<i>2. -</i>	<i>2. -</i>	<i>2. Al-Falaki</i>	<i>2. Mujaddid</i>
TARIKH LAHIR	<i>980M</i>	<i>732H (1332M)</i>	<i>1254H (1838M)</i>	<i>1265H (1849M)</i>	<i>7/9/1869</i>	<i>16/2/1908</i>
TEMPAT LAHIR	<i>Bukhara</i>	<i>Tunisia</i>	<i>Kabul, Pakistan</i>	<i>Tanta, Mesir</i>	<i>Sumatera Barat Indonesia</i>	<i>Sumatera Barat Indonesia</i>
TARIKH WAFAT	<i>1037M</i>	<i>808H (1406M)</i>	<i>1314H (1897M)</i>	<i>1905M</i>	<i>23/10/1956</i>	<i>1981</i>
BIDANG ILMU YANG DIKUASAI	<i>Perubatan</i>	<i>Sejarah</i>	<i>Pelbagai ilmu</i>	<i>Pelbagai ilmu</i>	<i>Ilmu Falak</i>	<i>Ilmu agama</i>
HASIL KARYA YANG PALING POPULAR	<i>Al-Qanun Fit Tibb</i>	<i>Al-Muqaddimah</i>	<i>Al-A'mal Al- Kamilah</i>	<i>Risalah At-Tauhid</i>	<i>Majalah Al-Imam</i>	<i>Tafsir Al-Azhar</i>
KEISTIMEWAAN TOKOH	<i>cerdik & pintar ; dapat menguasai pelbagai jenis ilmu ketika berusia 18 tahun.</i>	<i>Tokoh sejarah yang unggul</i>	<i>Keturunannya bersambung dgn Saidina Ali & Rasulullah</i>	<i>Berketrampilan; memegang pelbagai jawatan penting dlm kerajaan</i>	<i>Pakar dalam bidang Falak</i>	<i>Ulama, ahli sastera & novelis Melayu yg handal</i>
UJIAN BESAR YANG PERNAH DILALUI	-	-	<i>Menjadi buruan pihak Perancis & Inggeris kerana idea fahaman islah</i>	<i>Dibuang negeri pd thn 1882 kerana dituduh terlibat dgn pemberontakan Urabi</i>	<i>Dipenjarakan selama 9 bulan atas tuduhan menentang Belanda.</i>	<i>Dipenjarakan bersama tokoh- tokoh Majlis Syura Muslim Indonesia (MASYUMI)</i>

CATATAN : "KEISTIMEWAAN TOKOH" : Pilih ciri-ciri / fakta yang boleh membezakan seorang tokoh dengan tokoh yang lain.

RUMUSAN A :

KLASIFIKASI TOKOH

Tulis nama-nama tokoh yang berkaitan di dalam kotak yang disediakan :



RUMUSAN B :

JADUAL BANDING BEZA : SUMBANGAN TOKOH

PERKARA TOKOH	SUMBANGAN	HASIL KARYA	KEISTIMEWAAN KARYA TOKOH
IMAM ABU HANIFAH	<ul style="list-style-type: none"> Masanya banyak dihabiskan dgn mengajar di masjid Ulamak pertama menyusun kitab fekah mengikut bab & fasal dgn tersusun 	<ul style="list-style-type: none"> Fiqh Al-Akbar Al-Faraid 	<ul style="list-style-type: none"> Kitab fekah yang tersusun mengikut bab & fasal
IMAM MALIK	<ul style="list-style-type: none"> Menyebarkan ilmu melalui pengajarannya di Masjid An-Nabawi Menghasilkan kitab Al-Muwatta' Berusaha menyebarkan ilmu hadis & fekah kpd orang ramai 	<ul style="list-style-type: none"> Al-Muwatta' 	<ul style="list-style-type: none"> Lengkap dengan pelbagai masalah agama. Kesemua hadis yg terdapat di dalamnya adalah hadis sahih. Menjadi rujukan dalam kajian berkaitan ilmu tafsir, hadis & fekah.
IMAM SYAFIE	<ul style="list-style-type: none"> Mengasaskan kaedah tertentu dlm mensabitkan hukum. Mempersempitkan penggunaan akal dlm mensabitkan sesuatu hukum. Tidak menerima kaedah istihsan. 	<ul style="list-style-type: none"> Al-Umm 	<ul style="list-style-type: none"> Menjadi rujukan utama ilmuan Islam. Susunan gaya bahasanya tepat, jelas & mudah difahami. Membincangkan sesuatu perkara secara terperinci.
IMAM AHMAD	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan karya dlm bidang hadis & perundangan. Berjaya memisahkan hadis sahih & tidak sahih. Tokoh ulama' yg berjaya melahirkan ramai tokoh-tokoh hadis. 	<ul style="list-style-type: none"> Al-Musnad 	<ul style="list-style-type: none"> Mengandungi 40,000 hadis
IMAM BUKHARI	<ul style="list-style-type: none"> Menulis kitab Sahih Al-Bukhari. Memeriksa semua perawi hadis dlm semua aspek sebelum menerima hadis mereka. 	<ul style="list-style-type: none"> Sahih Al-Bukhari 	<ul style="list-style-type: none"> Himpunan hadis yg paling sistematik. Hadis di dalamnya disusun mengikut bahagian masing-masing.
IMAM AL- GHAZALI	<ul style="list-style-type: none"> Menjadi Penasihat Agung Perdana Menteri Nizam Al-Mulk. Mendokong fahaman Al-Asyariah / Ahli Sunnah. 	<ul style="list-style-type: none"> Ihya Ulumuddin 	<ul style="list-style-type: none"> Kitab Falsafah Islam yang pertama.
IBNU SINA	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan 116 karya dlm pelbagai bidang ilmu. Tertubuhnya Avicenna College bagi mengingati jasanya. 	<ul style="list-style-type: none"> Al-Qanun Fit Tibb 	<ul style="list-style-type: none"> Menjadi bahan rujukan utama pelajar perubatan di seluruh pusat pengajian tinggi di Barat.
IBNU KHALDUN	<ul style="list-style-type: none"> Berjaya menganalisis sejarah dari pelbagai aspek. Pelopor kepada pemikiran moden dalam pelbagai bidang. Hasil karya beliau dijadikan bahan rujukan di Institusi Pengajian Tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> Al-Muqaddimah 	<ul style="list-style-type: none"> Menjadikan beliau dikenali ramai dalam bidang sejarah. Mengandungi syair-syair kesusasteraan Arab.

RUMUSAN C : TOKOH-TOKOH ISLAH

JADUAL BANDING BEZA : SUMBANGAN & IDEA ISLAH

PERKARA TOKOH	SUMBANGAN	IDEA ISLAH YANG DIPERKENALKAN	KESAN PERJUANGANNYA TERHADAP PEMBANGUNAN UMAT
JAMALUDDIN AL-AFGHANI	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Meniupkan semangat perjuangan menentang penjajah melalui penulisan, syarahan & perbincangan.</i> • <i>Berjaya mengembalikan keyakinan umat Islam di India bahawa mereka mampu menentang penjajah British.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mengembalikan kegemilangan umat Islam yg pernah dicapai pd zaman Khulafa' Ar-Rasyidin.</i> • <i>Membina perpaduan umat Islam tanpa mengira bangsa & budaya melalui gagasan Al-Jamiah Islamiah.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Umat Islam mengalami perubahan utk berjuang memerdekakan negara dari penjajah Barat.</i> • <i>Masyarakat Islam bertambah maju dlm bidang pendidikan.</i>
SYEIKH MUHAMMAD ABDUH	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mewujudkan mata pelajaran matematik, geografi, geometri, algebra, sejarah & seni khat.</i> • <i>Berjaya memperbaiki sistem pendidikan & kehakiman syariah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Menyeru umat Islam supaya kembali kpd agama Islam yg asli.</i> • <i>Menyarankan supaya bidang-bidang fardhu kifayah dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah & universiti.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Menjadikan umat Islam maju.</i> • <i>Berjaya memberi gambaran kpd umat Islam tentang kepentingan ilmu.</i>
SYEIKH TAHIR JALALUDDIN	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Menghasilkan majalah al-Imam yg digunakan utk membebaskan pemikiran masyarakat Melayu dari belenggu penjajah.</i> • <i>Menubuhkan Madrasah Al-Iqbal Al-Islamiah di Singapura.</i> • <i>Menyebarkan ilmu Falak di Malaysia.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mengajak umat Islam kembali kpd ajaran Islam yg sebenar yg bebas dari adat agama Hindu.</i> • <i>Menjauhi pengaruh negatif dari luar terutamanya Barat.</i> • <i>Menolak amalan taklid buta.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Beberapa Madrasah ditubuhkan menjadikan umat Islam bertambah maju dlm bidang pendidikan.</i> • <i>Pusat-pusat pengajian tinggi kini telah menawarkan kursus falak kpd mereka yg berminat.</i>
HAMKA	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Memperluaskan idea islah melalui majalah & akhbar utk menyedarkan umat Islam.</i> • <i>Menyeru umat Islam agar kembali kpd ajaran Islam yg sebenar.</i> • <i>Meninggalkan hasil karya yg sangat berguna kpd umat Islam (Tafsir Al-Azhar)</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mengajak umat Islam mengkaji semula ttg sebahagian kefahaman & ajaran yg bertentangan dgn Al-Quran & sunnah.</i> • <i>Menentang amalan khurafat, bid'ah, tarikat kebatinan yg sesat dsbnya.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Persatuan Hindia Timur ditubuhkan & dapat membantu memberi pengajaran kpd jemaah haji.</i> • <i>Lahirnya ramai mubaligh Islam melalui latihan di Kolej Muballighin.</i> • <i>Hasil penulisannya telah banyak membuka minda umat Islam.</i>